

20/06/1998

Skim perbanyakkan usahawan

BADAN Perhubungan Umno Johor mencadangkan pelaksanaan skim `Satu Cendekiawan Satu Usahawan' di setiap cawangan dalam usaha membina semula ketahanan dan kekuatan bangsa.

Wakilnya, Ahmad Mazlan, berkata langkah itu juga membolehkan kekayaan dan kejayaan tidak hanya berlegar di satu-satu tempat sahaja.

Menurutnya, Umno memiliki 17,645 cawangan dan menerusi sistem itu, setiap cawangan Umno perlu berazam untuk memastikan seorang Melayu berjaya dibimbing ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan seorang lagi berjaya menjadi usahawan baru, sama ada kecil atau sederhana setiap tahun.

"Ini bermakna kita berazam untuk memastikan sekurang-kurangnya 17,645 anak Melayu memasuki kolej/universiti dan 17,645 usahawan baru dibangunkan setiap tahun," katanya ketika menyokong usul ucapan dasar Presiden.

Beliau berkata, selain program `Satu Kampung Satu Produk' yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan juga boleh mula untuk membina sebuah kilang dan membangun seorang jutawan Melayu bagi setiap bahagian setahun.

Ahmad juga meminta kerajaan memastikan usaha membantu industri kecil dan sederhana serta penjaja dan peniaga dilaksanakan, selain bantuan terhadap korporat Melayu dan syarikat besar.

Menurutnya, 30 dana usahawan yang diuruskan oleh beberapa kementerian bernilai hampir RM10 bilion diagihkan dengan berkesan dan dipermudahkan prosesnya untuk faedah usahawan sehingga ke peringkat cawangan.

Beliau turut meminta bank tidak terlalu leceh meluluskan pinjaman kepada mereka yang layak dan memerlukan.

"Jangan terlalu ketat syarat umpama kisah Puteri Gunung Ledang yang meminta tujuh dulang hati nyamuk, tujuh dulang hati kuman, sebuah jambatan emas dan darah sepinggan," katanya.

Ahmad juga meminta yayasan negeri menambah dana mereka membantu anak Melayu kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

(END)